

KRONOLOGI SISTEM PERUBATAN ISLAM

Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Hospital Mesra Ibadah kali ke 3, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kota Bahru, Kelantan, 16-17 Oktober 2011 oleh Prof. Dato' Dr. Kamaruzaman Wan Su, Dekan Kulliyah Kejururawatan, Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia, Kuantan Pahang.

Pendahuluan

Diantara abad ke 6 hingga abad ke 13, ilmu sains termasuk ilmu perubatan telah berkembang dengan pesat di tanah Arab sejajar dengan perkembangan agama Islam itu sendiri. Ahli sejarah menggunakan istilah 'Science in Medieval Islam' atau 'Islamic Science' atau 'Arabic Science' untuk menamakan perkembangan sains semasa itu¹. Era ini berlaku selepas kewafatan nabi Muhammad SAW pada tahun 632 masihi, apabila Islam dipimpin oleh Khalifah Umayyah dan Abbassiah. Semasa ini Eropah berada di dalam zaman kegelapan. Selepas abad ke 13, pemerintahan kerajaan Islam menjadi mundur dengan jatuhnya kerajaan Sepanyol, Baghdad dan Turki, selepas perang salib. Begitu juga dengan ilmu sains dan perubatan menjadi mundur di negara-negara Islam, sebaliknya ilmu sains berkembang di Eropah sehingga sekarang. Kertas kerja ini cuba menggariskan kronologi sistem perubatan Islam daripada era kegemilangan Islam sehingga ke zaman moden abad ke 21 ini.

Definisi Sistem Perubatan Islam

Tidak ada definisi khusus mengikut sejarah tentang sistem perubatan Islam. Ia merangkumi ilmu sains yang dibangunkan di dunia Islam pada Zaman Keemasan Islam (the Islamic Golden Age) diantara tahun 750 hingga 1258 masihi. Pada masa itu ilmu dari India, Iran (Persia) dan terutamanya dari Greek telah diterjemahkan ke bahasa Arab. Terjemahan buku-buku inilah yang menjadi sumber ilmu sains bersama dengan ajaran Islam yang syumul membangkitkan ramai para ilmuan yang bukan sahaja pakar dalam bidang sains malah berilmu dalam bidang agama itu sendiri. Para ilmuan ini berasal dari berbagai bangsa termasuk Arab, Parsi, Turki, Berber dan Moor. Walaupun kebanyakan dari mereka beragama Islam tetapi ada juga sebahagian daripada mereka adalah Yahudi dan Nasrani. Bidang ilmu yang diceburi mereka termasuklah Perubatan, Matematik, Astronomi, Fizik, Kimia, Kosmologi, Oftalmologi, Geografi, Sosiologi dan Psikologi. Pada masa ini sains dianggap holistik dan berkait rapat dengan falsafah Islam. Mereka dianggap sebagai Hakim dan Ulama.

Pada zaman kegemilangan ini, sistem perubatan tidak bercanggah dengan prinsip Islam, baik dari segi falsafah teori nya mahu pun dari segi etika pengamalannya dengan menggunakan bahan-bahan yang halal dan mengikut sunnah Rasulullah termasuk juga merujuk kepada kitab suci al-Quran². Oleh itu ada juga para pengamal perubatan Islam melabelkan sistem perubatan Islam sebagai amalan perubatan menggunakan bahan-bahan halal termasuk amalan yang digunakan oleh Rasulullah seperti yang tercatat di dalam Tibb an-Nabawi. Berbeza dengan tamadun barat yang mengasingkan agama dengan ilmu sains serta amalan harian lain, tetapi Islam sebagai '*ad-din*' tidak mengasingkan agama dengan ilmu sains dan perubatan.

Oleh itu takrifan sistem perubatan Islam ialah semua amalan perubatan yang memberi manfaat yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam dan tidak menggunakan bahan-bahan yang diharamkan oleh

Islam. Ini termasuklah amalan perubatan alopati moden, perubatan homeopati, ayurveda dan lain-lain perubatan tradisional.

Kasule mendefinisikan perubatan Islam sebagai berikut: 'Islamic Medicine is defined as Medicine whose basic paradigms, concepts, values and procedures conform to or do not contradict to the Qur'an and *Sunnat*. It is not specific medical procedures or therapeutic agents used at a particular place or particular time. Islamic Medicine is universal, all-embracing, flexible and allows for growth and development of various methods of investigating and treating diseases within the frame-work described above'.³

Seterusnya Kasule menerangkan yang perubatan Islam itu sama seperti agama Islam itu sendiri iaitu konsep universal yang merangkumi semua system perubatan sekiranya ia menepati kriteria Islam. Konsep perubatan Islam tidak hanya terhad kepada amalan perubatan Rasulullah, *tibb nabawi*, atau amalan perubatan tradisional *unani*.⁴

Kenapa Perubatan Islam di Zaman Kegemilangan Islam menjadi maju?

Mengikut sejarah perkembangan perubatan Islam, ada beberapa faktor yang boleh menerangkan kenapa sistem perubatan Islam di zaman kegemilangan Islam menjadi maju sehingga buku-buku perubatan didalam bahasa Arab diterjemah ke bahasa Latin dan digunakan di Eropah sehingga abad ke 14. Berikut adalah diantara faktor yang penting:

1. Pemerintahan kerajaan Islam selepas kewafatan Rasulullah bersambung dibawah pemerintahan Khalifah Umayyah. Semasa ini bahasa Arab menjadi bahasa rasmi dan penggunaannya meluas sejajar dengan perkembangan wilayah pemerintahan Islam ke timur dan ke barat sehingga ke Sepanyol. Pada zaman keemasan Islam ini (750-1258) banyak buku-buku dari bahasa Greek, bahasa Parsi dan lain-lain, diterjemahkan ke bahasa Arab. Hasil terjemahan inilah menjadi satu gedung ilmu dan mencetuskan budaya mencari ilmu di kalangan sarjana Islam termasuklah ilmu sains dan perubatan.
2. Semasa pemerintahan Khalifah Abasiah, sistem politik adalah stabil dan kukuh termasuklah sistem perdagangan. Pedagang Islam menjelajah keseluruhan pelusuk dunia hingga ke negeri China, membawa balik tamadun timur dan bergabung dengan tamadun Islam. Sistem amalan perubatan juga digabungkan dan ilmu perubatan dapat diperkayakan.
3. Ilmu sains termasuk ilmu perubatan yang bermula daripada falsafah Greek, Mesir dan Parsi dapat diperkembangkan dengan falsafah dan prinsip Islam serta digabungkan dengan ilmu perubatan dari India dan China. Falsafah dan prinsip Islam tidak bercanggah dengan ilmu sains, malah Islam menggalakkan umatnya mengkaji kejadian alam untuk mengukuhkan akidah Islam.

Sejarah Perubatan Islam di Era Kegemilangan (abad ke 6 hingga ke 13)

Sistem Perubatan Islam semasa Era Kegemilangan dari abad ke 6 hingga abad ke 13 adalah sambungan sistem perubatan daripada tamadun Mesir dan tamadun Greek dan digabungkan dengan sistem perubatan dari timur seperti perubatan India dan China. Sebelum zaman ini negara Eropah berada didalam kegelapan dari segi ilmu perubatan kerana ugama Kristian mengharamkan amalan perubatan.

Kristian menganggap penyakit itu adalah takdir tuhan manakala merawat penyakit dianggap melawan takdir tuhan. Ramai pengamal-pengamal perubatan dari Rome telah lari ke Parsi. Oleh kerana konsep penyakit mengikut Islam berbeza dari Kristian dan rawatan penyakit adalah dituntut oleh Islam, maka amalan perubatan di negara Islam menjadi maju.

Berikut adalah sarjana Islam yang terkenal dizaman kegemilangan ini:

1. Jabir ibni Hayyan (Abad ke 8-9 masihi): Ahli kimia yang menjalankan eksperimen mengenal pasti banyak kimia termasuk asid sulfurik dan nitrik.
2. Ibn Ishaq al-Kindi (801-873 masihi): Ahli sains dan falsafah yang banyak menterjemahkan buku-buku ilmiah daripada bahasa Greek ke bahasa Arab.
3. Hunayn ibni Ishaq (809-873): Ahli perubatan yang menterjemahkan banyak buku Greek ke bahasa Arab dan menulis buku perubatan mengenai penyakit mata '10 treatises on the eye' yang digunakan oleh barat sehingga abad ke 17 masihi.
4. Al-Khwarizmi (abad ke 8-9 masihi): berasal dari Parsi, seorang ahli matematik, geografi dan astronomi. Beliau membangunkan sistem number arab dan algebra.
5. Al-Battani (850-922): ahli astronomi yang mengira dengan tepat jarak masa satu tahun matahari (solar year). Beliau dapat meramal pergerakan bulan, matahari dan planet lain menggunakan jadual number dan trigonometri. Beliau dapat mengenal pasti arah kiblat.
6. Abu Bakr Zakariya al-Razi (854-935): Lahir di Rayy Iran, ahli sains dan pakar perubatan yang mula-mula menerangkan penyakit cacar dan campak. Beliau menulis 24 jilid buku panduan perubatan 'al-Hawi' yang mengkritik teori Greek mengenai 4 unsur dan mengkritik kajian Galen tentang rawatan menggunakan perdarahan.
7. Al-Farabi (870-950): ahli matematik, falsafah, psikologi dan pendidikan.
8. Ibn Sina (Avicenna) (980-1037): Dilahirkan di Bukhara (Uzbekistan) seorang kanak-kanak yang pintar, dapat menghafal Qur'an semasa berumur 10 tahun. Beliau mempelajari ilmu perubatan pada umur 16 tahun dan menjadi pengamal perubatan berumur 18 tahun. Buku terkenal al-Qanoon fi al-Tibb (Canon of Medicine) yang ditulis beliau menjadi buku teks perubatan di dunia Arab dan Eropah sehingga abad ke 18.
9. Al-Zahrawi (Abulcasis) (936-1013): Berasal dari Andalusia (Sepanyol), beliau adalah pakar bedah yang tersohor. Beliau menulis buku 'al-Tasrif' 30 jilid buku perubatan mengenai tanda-tanda penyakit, rawatan dan ubatan. Jilid terakhir mengandungi alat-alat pembedahan.
10. Ibn al-Haytham (Alhazen) (965-1040): Lahir di Basra (Iraq) tetapi tinggal di Mesir, beliau adalah ahli sains dibidang astronomi dan optik. Beliau mengkritik teori penglihatan Galen iaitu penglihatan berpunca dari transmisi cahaya dari mata. Beliau orang pertama menjalankan eksperimen menggunakan kaedah saintifik terutama dalam bidang optik. Buku terkenal beliau 'al-Manazir' (the Book of Optics) diterjemah ke bahasa Latin diabad ke 12 dan ke 13 menjadi sumber rujukan ahli sains barat seperti Roger Bacon dan Johannes Kepler. Beliaulah yang mula-mula mencipta kamera.
11. Al-Biruni (973-1048): Ahli matematik, astronomi dan perubatan, menulis banyak buku astronomi, matematik dan sejarah.

12. Ibn al-Nafis (1213-1288): Pakar perubatan dari Damsyik, Syria. Beliau menjadi ketua pakar perubatan di hospital di Kaherah. Beliau menulis buku perubatan menggantikan buku ibn Sina. Beliaulah orang mula-mula menerangkan tentang sistem pengedaran darah pulmonari.

Zaman kejatuhan kerajaan Islam dan Renaissance di Eropah (abad ke 13 hingga ke 17)

Kerajaan Islam di Cordoba Spanyol, Baghdad Iraq, Mesir dan Turki mula jatuh selepas peperangan salib (crusade) diantara tahun 1095 hingga 1291. Perang Salib (Crusade) adalah satu siri kempen ketenteraan atau peperangan ugama yang dianjurkan oleh Padri Katolik Rome melawan Islam yang bermula dari Eropah barat untuk menguasai Tanah Suci Jerusalem yang diperintah oleh Islam. Selepas kejatuhan kerajaan Islam Spanyol dan Iraq akibat daripada Perang Salib itu, semua buku ilmiah sarjana Islam di Cordoba dan Baghdad dibawa balik ke Eropah dan diterjemah balik ke bahasa Latin dan Inggeris. Maka hilanglah satu gedung ilmu di negara Islam dan tidak ada lagi budaya mencari ilmu sains dan perubatan.

Pada masa yang sama Renaissance dan Revolusi Industri telah berlaku di Eropah pada abad ke 14 hingga ke 17. Berikut adalah kemajuan sains dan perubatan di Eropah yang dapat mempengaruhi dunia keseluruhannya sehingga sekarang:⁵

1. Perubatan Renaissance (abad ke 14 hingga ke 17): Kajian ilmu anatomi dilakukan oleh Andreas Vesalius menggunakan buku sains yang diterjemah dari bahasa Arab. Manakala amalan farmaseutikal Arab diperbaiki.
2. Perubatan semasa Revolusi Industri (abad 17 hingga 18): William Harvey menemui sistem pengaliran darah pulmonari yang sebenarnya telah ditulis oleh al-Nafis di abad ke 13. Seorang pembuat jam Belanda, Anton van Leeuwenhoek menggunakan mikroskop menjumpai sel darah merah, bakteria dan protozoa. Manakala Edward Jenner mencipta vaksinasi selepas menjumpai penyakit 'cowpox' dan 'smallpox'
3. Perubatan abad ke 19: Perubatan di zaman ini terhasil daripada penemuan Louise Pasteur di dalam bidang mikrobiologi, Robert Koch di dalam bidang bakteriologi, Joseph Lister dalam bidang antiseptik, William Morton dalam bidang anesthesiologi dan ahli fizik Jerman yang mendapat hadiah Nobel pertama, Wilhelm Roentgen yang mencipta x-ray.
4. Perubatan moden abad ke 20: Kemajuan sains bidang elektronik, computer dan radioaktif bersama penemuan antibiotic penisilin oleh Alexander Fleming dan radiografi oleh Madam Curie mencipta alat-alat perubatan moden untuk membantu pengesanan dan rawatan penyakit.
5. Perubatan moden abad ke 21 dan alaf baru: Peningkatan ilmu sains dalam bidang genetic menimbulkan banyak masalah etika perubatan daripada penyelsaian penyakit. Banyak penyakit baru muncul seperti SARS, H1N1, HIV dan AIDS.

Sistem Perubatan Islam di Zaman Kebangkitan Semula Islam

Selepas kejatuhan kerajaan Islam pada abad ke 13, banyak negara-negara Islam dijajah baik dari segi politik, mahupun dari segi minda. Dalam ilmu sains dan perubatan, teori-teori ciptaan barat yang diajar

di sekolah banyak bercanggah dengan aqidah Islam seperti teori evolusi Darwin dan teori psikologi Freud. Pemikiran orang Islam dibaratkan (westernize) supaya menerima bahawa ilmu sains terasing dengan ugama dan menyamakan ugama Islam dengan ugama Kristian. Konsep sekularisma ini telah diterima pakai di negara Islam sehingga akhir abad ke 20.

Bermula dari abad baru Hijrah iaitu 1400 Hijrah bersamaan 1980 Masihi timbul kesedaran untuk membangkitkan semula kecemerlangan Islam dalam bidang sains dan perubatan seperti di zaman keemasan Islam dahulu. Banyak kumpulan ahli sains dan perubatan Islam muncul di timur dan di barat mempelupori semangat Islamisasi Ilmu (Islamization of Knowledge) termasuklah di Malaysia dengan tertubuhnya Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia pada tahun 1985. Sekarang sudah banyak Institusi Pengajian Tinggi di negara Islam yang telah menintegrasikan ilmu Wahyu dengan ilmu sains dan mengimplimentasikan amalan Islam didalam sistem perubatan moden.

Kebangkitan semula Islam ini juga dimanifestasikan melalui seminar, konferens, bangunan peringatan dan penulisan buku mengenai perubatan Islam. Persatuan Perubatan Islam (IMA) ditubuhkan di Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Pakistan, Mesir, Sudan dan Jordan. Diantara aktiviti mereka ialah penerbitan jurnal, bulletin, kertas kerja kajian, fatwa mengenai etika amalan perubatan dan penubuhan klinik dan hospital Islam.⁴

Dengan ada nya integrasi Islam dalam kurikulum pengajian perubatan dan mengamalkan prinsip Islam dalam rawatan dan penjagaan pesakit di hospital maka dapatlah ditakrifkan sebagai sistem perubatan Islam yang sebenarnya. Disamping itu juga sistem pengajian ugama Islam di sekolah diperbaharui dengan integrasi ilmu sains dan akhirnya dapat menghasilkan ahli sains dan perubatan dikalangan hafiz dan faqih.

Rumusan

Sebagai rumusan, kronologi sistem perubatan boleh dikatakan berubah setiap 500 tahun, bermula dari zaman sebelum masihi (B.C before Christ), diikuti 500 tahun zaman kegelapan selepas Christ, diikuti pula zaman kegemilangan Islam selama 500 tahun sistem perubatan Islam, dan diakhiri dengan 500 tahun sistem perubatan barat yang sekular. Oleh itu mungkin kebangkitan Islam sekarang memerlukan 500 tahun juga untuk memulihkan kembali sistem perubatan Islam. (Rajah 1)

Rajah 1: Kronologi Sistem Perubatan Islam

Sebelum Masihi (BC)	Tamadun Mesir Tamadun Greek Tamadun India dan China
Zaman selepas lahir Nabi Isa AS dan 500 tahun kemudian	Zaman kegelapan di Eropah Ugama Kristian bercanggah dengan amalan perubatan Pengamal perubatan berpindah ke Parsi dan Negara Arab
500 tahun selepas Pemerintahan Nabi Muhammad, Kahlifah Umayyah dan Abasiah (750 hingga 1250 masihi)	Zaman kegemilangan Islam (the Golden Age of Islam) Terjemahan buku Greek ke bahasa Arab Budaya ilmu dan perkembangan sains dan perubatan mengikut prinsip Islam Lahir ramai sarjana Islam dalam bidang sains dan perubatan Eropah masih didalam kegelapan
500 tahun kejatuhan Islam selepas perang salib (1250 hingga 1750)	Renaissance dan revolusi industry di Eropah Terjemahan buku Arab ke bahasa Latin dan Inggeris Kemajuan sains dan perubatan di Eropah
Abad ke 18 dan 19	Perkembangan sains selepas penemuan mikroskop, antibiotic, ubat bius, x-ray dan vaksin
Abad ke 20 dan 21	Kemajuan perubatan dalam bidang genetik Masalah etika perubatan dan kemunculan penyakit baru Kebangkitan semula Islam. Mampukah Islam menyelesaikan masalah? Adakah Islam akan mengambil masa 500 tahun juga? Tahun 2250?

References

1. Science in medieval Islam, <http://en.wikipedia.org> accessed on 5th October 2011.
2. Yousif A.F. (2002). Islamic Medicine and Health Care: Historical and contemporary views. *Bulletin*, issue 25, Feb. 2002.
3. Kasule O.H. Current Medical Services: Islamic Perspective, <http://omarkasule-01.tripod.com> accessed on 5th October 2011.
4. Kasule O.H. Concept of Islamic Medicine. *Int. Med J*, Vol 4 No 1 June 2005.
5. A short history of medical careers, <http://library.thinkquest.org> accessed on 11th October 2011.